AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

# 5,624 jangkitan baharu, 10,041 sembuh

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 10,041 kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 direkodkan negara kelmarin, sekali gus mengatasi kes baharu positif wabak itu yang berjumlah 5,624 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kumulatif kes sembuh yang direkodkan kelmarin adalah 4,310,599.

"Daripada 5,624 kes harian itu, sebanyak 1,765 kes atau 31.38 peratus merupakan pesakit kategori satu manakala 3,835 kes atau 68.19 peratus adalah kategori dua.

"Manakala kategori tiga yang dikesan adalah 12 kes (0.21 peratus) dan bagi kategori empat dan lima masing-masing dikesan sebanyak enam kes iaitu 0.11 peratus," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 89 kes dan sebanyak 57 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, 218 kes positif Covid-19 dimasukkan ke hospital dengan 111 kes atau 50.9 peratus melibatkan pesakit kategori tiga, empat dan lima manakala 107 kes atau 49.1 peratus adalah kategori satu dan dua.

Selain itu, satu kluster baharu turut dikenal pasti menjadikan jumlah kluster aktif kini adalah 99 kluster.

Mengenai kadar kebolehjangkitan Covid-19 (nilai Rt), beliau berkata, Malaysia mencatatkan nilai Rt pada kadar 0.77 dengan Putrajaya merekodkan kadar tertinggi iaitu 1.10.

RINGKAS

## 667,069 kanak-kanak lengkap vaksin

**Kuala Lumpur:** Seramai 667,069 kanak-kanak berumur antara lima hingga 11 tahun atau 18.8 peratus daripada populasi itu di negara ini sudah melengkapkan vaksinasi mereka di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, sebanyak 1,477,888 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 41.6 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun, 2,885,265 individu atau 92.7 peratus lengkap divaksin manakala 2,985,091 atau 95.9 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

# Polis rampas barang seludup RM9.2 juta

**Kuala Lumpur:** Polis menahan empat lelaki dan merampas barangan bernilai kira-kira RM9.2 juta dalam empat serbuan membanteras penyeludupan kontraban, bunga api dan hidupan liar di ibu kota dan Perak bermula Rabu lepas hingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Datuk Seri Hazani Ghazali berkata serbuan berkenaan dilakukan oleh Cawangan Perisikan dan Siasatan Khas (CPSK).

Katanya, dalam serbuan pertama menerusi Op Bersepadu Khazanah di sebuah rumah di Setapak, Rabu lalu, pihaknya menahan dua lelaki dan merampas dua ekor burung murai batu dianggar bernilai RM160,000.

"Dalam operasi itu juga, pasukan serbuan berjaya mengesan sebuah stor yang menyimpan 186 kotak pelbagai jenis bunga api bernilai RM650,000. Kes disiasat mengikut Seksyen 60 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957," katanya dalam satu kenyataan.

Hazani berkata dalam Op Kontraban di sebuah premis perindustrian di Teluk Intan, Perak pada Khamis lepas, pasukan serbuan menahan dua lelaki dan merampas 13,133 karton rokok putih serta 3,300 karton rokok kretek dipercayai diseludup masuk bernilai RM6,764,417.

Beliau berkata serbuan turut merampas wang tunai berjumlah RM103,000 dan tiga kenderaan.

*"Dalam Op Kontraban di Teluk Intan, Perak pada Khamis lalu, pasukan serbuan menahan dua lelaki dan merampas 13,133 karton rokok putih serta 3,300 karton rokok kretek dipercayai diseludup masuk bernilai RM6,764,417"*

***Hazani***

"Dalam serbuan di sebuah premis perindustrian di Tambun kelmarin pula, polis berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan dan pengedaran rokok dengan merampas 3,349 karton rokok putih dan 253 karton rokok kretek pelbagai jenama dianggar bernilai RM1.4 juta," katanya.

Hazani berkata kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967.

Beliau berkata sejak Januari hingga kelmarin, CPSK dan Pasukan Gerakan Am melakukan 42 serbuan melibatkan rampasan berjumlah RM50,345,509.66 dan menahan 60 individu.

"CPSK yang diwujudkan di peringkat ibu pejabat Jabatan KDNKA merupakan antara penyumbang utama keberhasilan di bawah Op Kontraban, Operasi Bersepadu Khazanah dan operasi lain," katanya.

KES DERA SAMPAI MATI

# Anak tiri kedua turut jadi mangsa

## *Suspek buat mangsa sebagai objek lepas geram, nafsu serakah*

**Oleh Izad Thaqif Hassan**
am@hmetro.com.my

**Bandar Baharu**

Belum selesai siasatan kes dera hingga menyebabkan anak tiri perempuannya maut, rahsia seorang lelaki terbongkar apabila dia turut disyaki menodai serta mendera anak tiri keduanya yang berusia empat tahun di rumah mereka di Malau, Jitra.

Perbuatan jijik dan kejam lelaki terbabit yang menjadikan anak kedua daripada tiga beradik itu sebagai objek melepaskan geram dan nafsu serakah dikesan selepas doktor yang merawat mangsa di Bahagian Kecemasan Hospital Jitra menghubungi polis memaklumkan kejadian.

Sumber berkata, pihaknya menerima maklumat jam 4.20 petang kelmarin daripada doktor memaklumkan mangsa disyaki didera dan pemeriksaan lanjut turut mendapati ada kesan koyakan pada alat sulit dan dubur kanak-kanak malang terbabit.

Menurutnya, siasatan lanjut mendapati mangsa tinggal bersama ibu kandung serta bapa tiri dan abang sulung berusia enam tahun selain adik bongsu perempuan yang berusia tiga tahun.

"Hasil siasatan lanjut dan keterangan daripada ibu saudaranya, wanita itu memberitahu abang mangsa pernah ternampak bapa tiri mereka memegang kemaluan adiknya.

"Bagaimanapun, mangsa kini masih dalam keadaan trauma dan sukar untuk diambil keterangan selain lebih banyak berdiam diri," katanya ketika ditemui, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan pada tubuh mangsa juga mendapati terdapat kesan cakar pada muka, badan serta kesan gigitan di kedua-dua telinga serta bahu.

"Selain itu, terdapat juga parut luka lama akibat putung rokok di paha, betis serta kesan koyakan pada kemaluan dan dubur mangsa.

"Berikutan itu, doktor memaklumkan akan membuat pemeriksaan secara menyeluruh," katanya mangsa dan juga saksi akan dirujuk untuk menjalani kaunseling.

Jumaat lalu suspek yang berusia 22 tahun ditahan bersama isterinya berusia 26 tahun yang juga ibu kandung kepada tiga kanak-kanak terbabit selepas disyaki mendera anak bongsu perempuan yang berusia tiga tahun hingga maut.

Mangsa yang menderita akibat asma dan penyakit kulit dibawa ke hospital dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum disahkan meninggal dunia jam 7.30 malam.

Hasil bedah siasat kemudian mendapati kanak-kanak dikatakan sudah dua jam meninggal dunia sebelum dibawa ke hospital dan kematiannya dipercayai akibat hentakan benda tumpul hingga ususnya pecah.

Doktor juga tidak menolak kemungkinan kanak-kanak terbabit dipijak tanpa belas kasihan oleh orang dewasa, malah ibu kandung dan ayah tirinya turut mengaku pernah memukul mangsa.

Difahamkan, ibu kandung dan bapa tiri kanak-kanak berkenaan baru beberapa bulan berkahwin dengan si isteri mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan kes curi motosikal manakala suaminya pula tidak memiliki sebarang rekod jenayah.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19



WARGA KOTA mengunjungi Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman bagi membuat persiapan menyambut hari raya. Gambar kecil, anggota polis trafik bertugas mengawal lalu-lintas bagi mengelak kesesakan.

Kuala Lumpur

# 210,000 'serbu' Bazar Jalan TAR

## Rekod harian tertinggi adalah 21,600 pengunjung

Sejumlah 210,000 pengunjung direkodkan membeli-belah di Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) 2022 untuk persiapan hari raya sejak bazar itu beroperasi pada 9 April lalu sehingga kelmarin.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, jumlah pengunjung harian tertinggi direkodkan pula adalah pada Ahad, 17 April lalu iaitu seramai 21,600 orang.

"Selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka, pengunjung dinasihati sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan terutama mereka yang membawa kanak-kanak.

"Saya nasihatkan pengunjung yang mahu datang supaya menggunakan pengangkutan awam seperti bas atau Transit Aliran Ringan (LRT) untuk mudah bergerak tanpa perlu membuang masa mencari tempat letak kereta yang kurang," katanya dalam satu video dimuat naik dalam Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

**420 penguat kuasa DBKL, PDRM, Rela, imigresen ditugaskan memantau keselamatan**

Mahadi turut memaklumkan 420 anggota penguat kuasa termasuk DBKL, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Imigresen Malaysia ditugaskan melakukan pemantauan keselamatan di bazar itu selain memastikan aliran trafik lancar.

Bazar Aidilfitri Lorong TAR 2022 beroperasi sehingga 2 Mei ini membabitkan 206 petak khemah dengan waktu operasi dari jam 10 pagi hingga 12 tengah malam kecuali pada Jumaat, Sabtu dan Ahad hingga jam 2 pagi.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 13**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

## 2,144,957 kanak-kanak divaksin setakat Sabtu lalu

**SHAH ALAM** - Sejumlah 2,144,957 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah divaksin sehingga Sabtu dengan seramai 741,459 daripadanya divaksin dalam tempoh seminggu lalu menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids).

Menurut data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dikongsi di laman web CovidNow, jumlah kanak-kanak yang menerima vaksin sehingga 16 April lalu adalah seramai 1,403,498 orang.

Daripada keseluruhan kanak-kanak yang divaksin berkenaan, sejumlah 1,477,888 orang menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin atau 41.6 peratus daripada kumpulan umur terbabit.

Seramai 667,069 lagi sudah lengkap menerima dua dos vaksin atau 18.8 peratus daripada keseluruhan kumpulan umur berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam kelmarin, sebanyak 67,678 dos harian diberikan iaitu 16,278 dos pertama manakala 51,400 bagi dos kedua.

Sementara itu, di Malaysia setakat ini kanak-kanak masih lagi belum diberikan dos penggalak.

KKM mula melaksanakan PICKids sejak 3 Februari lalu dengan anggaran 5.9 juta kanak-kanak akan divaksinasi melibatkan anggaran keperluan kuantiti sebanyak 11.8 juta dos vaksin.

Kanak-kanak menerima vaksin mRNA iaitu Comirnaty 10mcg Concentrate for Dispersion (PfizerBioNTech).

Ia ekoran hasil dapatan kajian klinikal vaksin itu menunjukkan keberkesanan sebanyak 90.7 peratus serta berupaya untuk meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap penyakit Covid-19.

# Permintaan vaksin meningkat



Menjelang Hari Raya Aidilfitri, rata-rata ibu bapa membawa anak-anak untuk mendapatkan vaksin Covid-19.

*Jumlah permintaan untuk vaksinasi kanak-kanak meningkat menjelang raya*

Oleh MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

SHAH ALAM

Jumlah ibu bapa yang membawa anak untuk divaksin meningkat mendadak menjelang Hari Raya Aidilfitri.

LAPORAN MUKA DEPAN

Pengurus Pembangunan Perniagaan Hospital Pakar An-Nur, Norwahida Mokhtar berkata, pihaknya menerima lebih 400 kanak-kanak yang mahu divaksin pada Sabtu berbanding hanya seramai 90 kanak-kanak sepanjang Ramadan ini.

"Sepanjang bulan puasa di pusat pemberian vaksin (PPV) kami, jumlahnya turun mendadak dengan hanya 90 kanak-kanak yang datang untuk divaksin walaupun janji temu untuk setiap hari sekitar 800 orang.

"Tetapi semalam (Sabtu), kami dapat lebih 400 kanak-kanak yang divaksin melibatkan pendaftaran di MySejahtera seramai 300 orang dan selebihnya adalah walk in," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurutnya, peningkatan mendadak itu mungkin disumbangkan kerana Hari Raya Aidilfitri dan PPV itu juga akan ditutup sepanjang seminggu perayaan.

Dalam masa sama, beliau menegaskan Hospital Pakar An-Nur sudah bersedia dengan sebarang kemungkinan jumlah peningkatan anak-anak untuk divaksin pada minggu depan.

"Kalau ikutkan dalam sistem untuk janji temu kami pada hari Isnin sehingga Jumaat tidak ramai. Cuma kami tidak dapat menjangkakan dari segi walk in akan ramai atau tidak.

"Namun, kami tetap bersedia kerana bimbang akan berlaku perkara sama pada Isnin hingga Jumaat ini," katanya.

Dalam pada itu, Norwahida mengakui ia perkembangan yang baik melihat pertambahan kanak-kanak yang divaksin sekali gus memastikan golongan tersebut mendapat perlindungan sewajarnya.

## Malaysia catat 5,624 kes baharu Covid-19

**SHAH ALAM** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 5,624 kes baharu Covid-19 pada Sabtu menjadikan jumlah kumulatif kes adalah sebanyak 4,427,067.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah berkenaan melibatkan 5,607 kes tempatan dan 17 kes import.

"Bagi pecahan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,765 kes adalah daripada pesakit Covid-19 kategori satu, sementara 3,835 kes pesakit kategori dua.

"Bagi kategori tiga, terdapat 12 kes (0.21 peratus) manakala kategori empat dan lima dengan enam kes (0.11 peratus)," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan jumlah keseluruhan 24 kes bagi pesakit kategori tiga hingga lima, 10 kes dilaporkan tidak divaksinasi atau belum lengkap mendapatkan pelalian berkenaan.

"Lapan kes pula sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi tidak menerima dos penggalak. Sebanyak enam kes pula sudah menerima dos penggalak.

"Selain itu, 12 kes melibatkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. 12 kes lagi mempunyai komorbid dan satu melibatkan kes ibu mengandung," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS/NATION



*A boy receiving a dose of the Covid-19 vaccine as his mother looks on at the Seberang Jaya Expo Site Vaccination Centre in Seberang Jaya, Penang, on Saturday.* PIC BY DANIAL SAAD

5,624 NEW INFECTIONS

# RECOVERIES TWICE AS MANY AS NEW CASES

Country appears to have overcome the worst of the Omicron surge

TEOH PEI YING
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE transition to the endemic phase has been given a boost with the country reporting 10,041 Covid-19 recoveries on Saturday, almost double the number of new infections on the same day.

This marked a significant change of fortunes in the Covid-19 situation in Malaysia, which earlier this year was battling surging case numbers brought about by the Omicron variant.

However, the country appeared to have overcome the worst of the Omicron surge, with the Health Ministry announcing on Friday that the number of hospital, intensive care unit (ICU) and quarantine centre admissions had declined to under 50 per cent nationwide.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 5,624 new cases were recorded on Saturday, continuing the downward trend in infections.

He said 17 of the new cases were imported.

The majority of the cases, he said, were also in the generally less severe categories 1 and 2.

"Of the 5,624 new infections, only 0.43 per cent were in categories 3, 4 and 5, and 5,600 cases were in categories 1 and 2.

"Of the categories 3, 4 and 5 cases, 10 involved those who had either received only one dose of the vaccine or were unvaccinated, eight involved those who have been fully vaccinated and six involved those who already had their booster shot."

He said 4,427,067 people had been infected nationwide since the pandemic began.

Cumulative recoveries stood at 4,310,599.

He said 89 Covid-19 patients were being treated in ICUs, and 57 required breathing aid.

Data on the Health Ministry's CovidNow portal showed that active cases had fallen further to 80,977 on Saturday.

Of the total, 97.7 per cent, or 79,149 people, were in home quarantine, two per cent were being treated in hospitals, 0.2 per cent were at Covid-19 quarantine and treatment centres and 89 in ICUs.

Dr Noor Hisham said 218 Covid-19 patients were admitted to hospitals on Saturday, consisting of 111 categories 3, 4 and 5 cases and 107 categories 1 and 2 cases.

He said one new cluster — an education cluster — was identified in Selangor, and the number of active clusters stood at 99.

He added that the national infectivity rate had also declined to 0.77.

Putrajaya had the highest infectivity rate at 1.10.

A total of 667,069 children aged 5 to 11 had been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children. They made up 18.8 per cent of the population of the age group; 41.6 per cent of the same group had received the first dose.

With regard to teenagers aged 12 to 17, a total of 2,885,265 individuals, or 92.7 per cent, had completed the vaccination, and 2,985,091, or 95.9 per cent, had received at least one jab.

Among the adult population, 16,006,894 individuals, or 68 per cent, had received a booster dose; 22,963,872, or 97.6 per cent, had completed the second dose; and 23,240,846, or 98.8 per cent, had received at least one dose.

A total of 73,767 doses of vaccine were administered on Saturday, comprising 17,177 first doses, 53,369 second doses and 3,221 booster shots, bringing the total number of doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,013,893.

The Health Ministry's GitHub portal reported that nine deaths were recorded on Saturday, with Kedah registering the most at six, followed by Johor, Sabah and Sarawak with one each.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

# Number of recoveries doubles that of new infections

KUALA LUMPUR: A total 10,041 recoveries from Covid-19 infection were recorded in the country on Saturday, nearly twice the 5,624 new infections recorded.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said cumulative recoveries as on Saturday were 4,310,599.

"From 5,624 daily cases, 1,765 or 31.38% were patients in Category 1 while 3,835 cases or 68.19% were in Category 2.

"Category 3 infections were detected in 12 cases (0.21%) and for Categories 4 and 5, there were six cases each or 0.11%," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

Dr Noor Hisham said there were 89 cases requiring treatment in the intensive care unit with 57 needing respiratory assistance.

He added that there were 218 cases of Covid-19 warded in hospitals with 111 cases or 50.9% involving Categories 3, 4 and 5 while 107 cases or 49.1% were in Categories 1 and 2.

One new cluster was identified, bringing the total active clusters to 99.

On the rate of infectivity of Covid-19 (Rt value), he said Malaysia recorded an Rt of 0.77 with Putrajaya having the highest rate at 1.10.

A total of 667,069 children aged five to 11 or 18.8% of those in this age group have been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as on Saturday.

According to the CovidNow website, 1,477,888 children or 41.6% of this group have received at least one dose of a vaccine.

For teenagers aged 12 to 17, a total of 2,885,265 individuals or 92.7% have completed their vaccination, while 2,985,091 or 95.9% have received at least one jab.

Among the adult population, 16,006,894 individuals or 68% have received the booster dose, 22,963,872 or 97.6% have completed the second dose, and 23,240,846 or 98.8% have received at least one dose.

A total of 73,767 doses of vaccine were administered on Saturday, comprising 17,177 for the first dose, 53,369 for the second dose and 3,221 for the booster, bringing the total given out under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,013,893 doses.

The Health Ministry's GitHub portal reported that nine Covid-19 deaths were recorded on Saturday, with Kedah registering the most at six, followed by Johor, Sabah and Sarawak with one each.

**AKHBAR : THE SUN**

**MUKA SURAT : 4**

**RUANGAN : NEW WITHOUT BORDERS**

# Cumulative Covid recovery cases pass 4m mark

**KUALA LUMPUR:** A total of 10,041 Covid-19 recovery cases that was recorded on Saturday was nearly twice the number of new infections registered at 5,624 cases.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative recovery cases as of Saturday were 4,310,599.

"Of the daily cases, 1,765 or 31.38% were in category one while 3,835 or 68.19% in category two.

"Category three was detected in 12 cases (0.21%) while category four and five involved six cases each," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham added 89 cases required treatment at intensive care units, while 57 needed respiratory assistance.

A total of 218 Covid 19 patients were warded in hospitals with 111 cases or 50.9% in categories three, four and five, while 107 cases or 49.1% in categories one and two.

He added Malaysia recorded an infectivity rate of 0.77 with Putrajaya having the highest rate at 1.10.

Meanwhile, a total of 667,069 children aged five to 11 or 18.8% in the age group have been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Saturday.

According to the CovidNOW website, 1,477,888 children or 41.6% have received at least one dose of the vaccine.

For teenagers aged 12 to 17, a total of 2,885,265 or 92.7% have completed their vaccination, while 2,985,091 or 95.9% have received at least one jab.

Among the adult population, 16,006,894 or 68% have received the booster dose, 22,963,872 or 97.6% have completed the second dose, and 23,240,846 or 98.8% received at least one dose.

A total of 73,767 doses of vaccine were administered on Saturday, comprising 17,177 first doses, 53,369 second doses and 3,221 booster shots, bringing the total to 70,013,893.

The Health Ministry's GitHub portal reported that nine Covid-19 deaths were recorded on Saturday, with Kedah registering the highest at six, followed by Johor, Sabah and Sarawak with one each. – Bernama

# New cluster emerges after two months

**KOTA KINABALU:** After almost two months of not recording any Covid-19 cluster, a new one was reported on Friday.

Sabah Local Government and Housing Minister Datuk Seri Masidi Manjun said the educational institution cluster involved a Form Four student who was confirmed positive on April 18.

"Close contact screenings found that another 38 students have been infected and 39 have been isolated for further treatment," he said in a statement.

Masidi, who is also Sabah Covid-19 spokesman said new infections in the state rose to 149 as of Friday, bringing the cumulative number of cases to 370,366.

"Of the new cases, 141 were in categories one and two, four in category three, two in category four and one in category five. One death was also reported in Sandakan," he said. – Bernama